



## YA ALLAH! DEMI RAMADHAN YANG MULIA INI, ENKKAU HANCURKANLAH PEMIMPIN YANG JAHAT DAN BERILAH KEMENANGAN KEPADA PEJUANG AGAMAMU

Tatkala kita diuji oleh Allah SWT dengan sedikit kelaparan dan dahaga di bulan Ramadhan yang mulia ini, sedarkah bahawa sebahagian dari saudara-saudara kita di seluruh dunia menerima ujian yang jauh lebih hebat dari kita? Di Pakistan sebagai contoh, banjir besar yang melanda negara itu telah meranapkan ribuan rumah, tanaman, kenderaan dan harta-benda lainnya. Ribuan nyawa juga telah terkorban dan jutaan yang lain sedang menanggung pelbagai penderitaan akibat kekurangan air bersih serta makanan, ubat-ubatan, wabak penyakit dan pelbagai lagi. Namun para pemimpin Pakistan masih berada dalam keadaan serba mewah, malah mereka kini sedang bertelagah sesama sendiri untuk mengagihkan dana bantuan dari luar yang mencecah USD500 juta, sedangkan dalam masa yang sama ratusan ribu rakyatnya masih tidak menerima sebarang bantuan. Sungguh, derita umat ini tidak pernah berhenti, malah bertambah parah dari hari ke hari akibat tindakan para pemimpin mereka yang rakus dan penuh kejahatan. Di samping Pakistan, begitulah juga dengan para pemimpin umat Islam di negara-negara bergolak lainnya seperti Palestin, Iraq, Kashmir, Afghanistan dan lain-lain. Para pemimpin yang ada hanyalah hamba kepada Amerika, ketundukan dan kepatuhan mereka hanyalah kepada Amerika, malah mereka hidup hanyalah untuk berkhidmat kepada kuffar Amerika dan untuk memuaskan hawa nafsu syaitan mereka. Para pemimpin jahat ini sudah tidak lagi takutkan Allah seolah-olah mereka tidak akan berjumpa denganNya suatu hari nanti. Selain itu, umat Islam yang tinggal di negara yang nampak 'aman' pun, hakikatnya tidak ada lagi keamanan di situ kerana kejahatan dan kezaliman melampau para pemimpin yang memerintah. Umat Islam, khususnya para pengembang dakwah yang tinggal di Mesir, Arab Saudi, Turki, Algeria, Uzbekistan, Tajikistan dan lain-lain sudah tidak lagi dapat hidup dengan aman di negara sendiri di bawah pemerintahan para pemimpin yang mengaku beragama Islam. Sudah berapa ramai para pejuang agama Allah yang ditangkap, dimasukkan ke dalam penjara dan disiksa dengan kejam sehingga ada yang syahid di dalamnya. Apakah kesalahan mereka sehingga diperlakukan sedemikian rupa? Tidak lain hanya kerana mereka memuhasabah pemerintah yang zalim ini agar menerapkan Islam, maka 'balasan' bagi mereka adalah penjara dan seksaan.

Sesungguhnya kalian wahai saudaraku, kalian mengetahui akan hakikat kejahatan penguasa yang menangkap dan memenjarakan para pengembang dakwah ini. Namun lebih ramai dari kalian memilih untuk berpeluk tubuh dan berdiam diri menyaksikan ini semua. Demi Allah! Sesungguhnya haram untuk kalian berdiam diri menyaksikan kezaliman penguasa. Kalian hendaklah bangkit dan berjuang menghadapi mereka dan kalian wajib menukar rejim yang jahat yang tidak menerapkan Islam ini kepada sebuah Daulah Khilafah yang akan menerapkan Kitabullah dan Sunnah RasulNya. Sesungguhnya kewajipan ini terpikul di bahu kalian dan kalian berkuasa melakukan perubahan jika kalian mahu. Pilihan ada di tangan kalian sama ada untuk meraih kemuliaan dengan berjuang menegakkan agama Allah, atau terus kekal hina dalam noda dan dosa kerana berdiam diri dengan segala kekufuran dan kejahatan yang berlaku sekarang akibat tidak diterapkan hukum Islam oleh para pemimpin sekular yang ada. Hizbut Tahrir tidak dapat merubah keadaan kalian, namun kami senantiasa mengingatkan kalian agar berubah, kerana sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan kalian kecuali kalian sendirilah yang merubahnya. Kepada Allah kami memohon agar diberi kekuatan kepada kami di dalam perjuangan kami menegakkan agamaNya ini dan kepada Allah kami memohon agar diberi kekuatan kepada setiap pejuang agamaNya, khususnya dalam menghadapi para penguasa yang zalim hari ini. Dalam usaha kami menyedarkan umat Islam untuk membantu saudara-saudara kita yang sedang dizalimi oleh penguasa di seluruh dunia, kami dengan ini memaparkan salah satu warkah yang kami terima dari pejuang Khilafah yang berada di Tajikistan dan kami menyeru kepada kalian wahai kaum Muslimin! Bangkitlah dari lena kalian dan bersegeralah menuju medan perjuangan demi menegakkan agama Allah dan seterusnya membebaskan saudara-saudara kita yang menderita di seluruh dunia.

### Hizbut Tahrir Adalah Parti Politik Dan Para Syabab Yang Ditangkap Oleh Pemerintah Tajikistan Adalah Tahanan Politik

#### *Bismillahirrahmanirrahim*

Sesungguhnya Hizbut Tahrir adalah parti politik yang ditegakkan atas firman Allah SWT,

*"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'rif dan mencegah daripada yang munkar. Dan merekalah orang-orang yang beruntung"* [TMQ Ali Imran (3):104].

Matlamat Hizbut Tahrir adalah untuk mengembalikan semula kehidupan Islam dengan menegakkan kembali *Daulah Khilafah Islamiyyah Ar-Rasyidah 'Ala Minhaj Nubuwwah*. Hizb telah menetapkan *thariqah* (jalan) dalam perjuangannya iaitu dengan mengikuti *thariqah* Rasulullah SAW dalam meraih kekuasaan dan Hizb tidak akan menyimpang daripadanya walau sedikit pun. Aktiviti-aktiviti Hizb hanya terhad kepada melakukan penggulatan pemikiran dan perjuangan politik dan ia tidak terlibat dengan sebarang aktiviti fizikal (kekerasan) kerana aktiviti kekerasan adalah menyalahi *thariqah* Rasulullah SAW dalam meraih pemerintahan.

Hizbut Tahrir merupakan parti politik internasional yang bergerak di hampir 50 buah negara. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan sejak Hizb ditubuhkan pada tahun 1953 merupakan bukti nyata bahawa Hizb tidak sedikit pun keluar daripada *thariqah*nya. Hizbut Tahrir di Tajikistan juga mengikuti *thariqah* tersebut dan akan terus meneruskan melakukan penggulatan pemikiran dan perjuangan politik sehinggalah sampai

kepada matlamatnya. Hizbut Tahrir di Tajikistan ingin mengingatkan bahawa Hizb adalah parti politik dan para *syabab* (pemuda)nya yang ditangkap oleh pemerintah Tajikistan adalah tahanan politik. Mereka ditangkap dan disiksa hanya kerana mereka berpegang teguh kepada akidah Islam mereka. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Hizb di Tajikistan sejak 15 tahun yang lalu (yang tidak pernah terlibat dengan kekerasan) merupakan bukti yang jelas terhadap apa yang kami perkatakan.

Disebabkan kejahatan rejim pemerintahan Tajikistan, mereka telah memperlakukan para *syabab* Hizb yang ikhlas ini, yang juga merupakan putera-putera umat dan putera bumi ini dengan mengenenakan penindasan serta seksaan yang kejam sejak tahun 1999 sehinggalah sekarang. Presiden Rahmanov dan konkonconya didukung secara langsung ataupun tidak langsung oleh para ulama yang telah menjual agama mereka dengan dunia ini. Media-media di dalam dan di luar negara seperti Radio Azadi, BBC, akhbar Al-Millah dan lain-lain serta organisasi yang disebut sebagai pemelihara hak asasi manusia (HAM) seperti 'Organisasi HAM' dan 'Wakil PBB' di Tajikistan, kesemuanya telah membantu orang-orang yang zalim itu dalam melakukan jenayah melalui sikap mereka yang berdiam diri dan tidak mengambil peduli.

*Syabab* Hizbut Tahrir yang ikhlas dizalimi, disiksa dan ditahan bertahun-tahun lamanya hanya disebabkan oleh pemikiran dan akidah

Islam yang mereka miliki. Yang menghairankan, para hakim, para pendakwaraya, para peguam dan para pembela HAM, pihak media massa dan masyarakat kesemuanya mengetahui bahawa tuduhan-tuduhan yang dikenakan ke atas *syabab* Hizb hanyalah tuduhan palsu yang tidak berasas dan direka-reka, tetapi mereka hanya berdiam diam tidak melakukan apa-apa. Sejak 10 tahun yang lalu, lebih daripada 300 orang *syabab* Hizbut Tahrir telah dipenjarakan selama bertahun-tahun dan mereka telah meringkuk dengan tempoh yang lama dalam tahanan. Dalam tempoh tersebut, lebih daripada 10 orang *syabab* Hizb telah syahid di balik tembok keselamatan dan penjara di negara ini. Dan hari ini, hampir 300 orang *syabab* Hizb baik lelaki mahupun wanita sedang menghabiskan tempoh tahanan mereka hanya disebabkan oleh pemikiran dan akidah Islam yang mereka perjuangkan. Semoga Allah memberi mereka kesabaran dan ganjaran yang terbaik.

Terhadap Presiden Rahmanov dan konco-konco penjenayahnya, kami ingin memberi amaran bahawa setiap individu, kumpulan atau negara yang memerangi Islam dan para pendakwahnya akan pasti diminta pertanggungjawaban atas tindakan mereka di hadapan Khalifah ar-Rasyidah yang akan datang dengan izin Allah serta akan diberi balasan yang setimpal sesuai dengan ketentuan syarak. Sesungguhnya Rasul SAW (ketika Fathul Makkah) pernah memerintahkan agar dibunuh orang-orang seperti ini, meskipun mereka bergantung pada kain kelambu Ka'bah. Malah, pada Hari Pembalasan (Kiamat), mereka akan menerima seksaan yang teramat pedih. Hendaklah mereka menghentikan kejahatan dan jenayah mereka sebelum terlambat, dan mohonlah keampunan kepada Allah dan bertaubatlah kepadaNya. Mudah-mudahan ada salah seorang daripada orang-orang yang mereka zalimi itu sudi memberi keselamatan ke atas diri mereka di hari Kiamat kelak.

Di bawah ini adalah senarai (nama) *syabab* Hizbut Tahrir yang sedang menderita di dalam penjara Tajikistan. Kami paparkan agar umat Islam mengetahui siapakah wira mereka, agar mereka bangkit dan bertindak ke atas orang-orang yang zalim tersebut. Kami ingin mengingatkan kepada si Presiden dan rakan-rakan penjahatnya itu agar mereka tahu bahawa segala seksaan dan tahanan yang dikenakan itu tidak akan sekali-kali menghapus atau memutuskan usaha dakwah anggota-anggota Hizb. Sudah berapa ramai anggota Hizb yang meringkuk bertahun-tahun lamanya dalam penjara kerana ditangkap berkali-kali, namun mereka tetap teguh meneruskan usaha dakwah mereka bersama Hizb.

Wahai kaum Muslimin! Kami paparkan nama-nama ini kepada kalian agar di hadapan Allah kelak, kalian tidak memiliki hujah kenapa kalian berdiam diri terhadap penguasa-penguasa yang zalim. Kami ingin mengingatkan putera-putera Islam yang ikhlas terhadap sabda Rasul SAW, "*Dan (hendaklah) kalian mencegah tangan orang yang zalim, dan kalian meluruskannya atas kebenaran dan kekal di atas kebenaran, atau Allah menjadikan hati sebahagian daripada kalian bermusuhan dengan sebahagian yang lain. Kemudian Dia melaknat kalian sebagaimana Dia melaknat mereka (orang-orang yang zalim itu)*".

Kami juga ingin mengingatkan kalian dengan sabda Rasul SAW,

*"Jika engkau melihat umatku takut untuk memanggil orang zalim dengan mengatakan kepadanya 'kamu zalim', maka sungguh dia (orang yang takut itu) telah terpisah dari mereka (umat Islam)".*

Sesungguhnya *syabab* (para pemuda) dan *syabat* (para pemudi) Hizbut Tahrir telah berjanji kepada Allah untuk meneladani Rasulullah yang mulia, sepertimana yang dinyatakan di dalam hadis ketika kaum Quraisy ingin menjauhkan Rasulullah dari Baitul Haram, baginda lalu bersabda,

*"Demi Allah, aku akan terus bersungguh-sungguh memperjuangkan sesuatu yang dengannya Allah telah mengutusku, sehingga Allah memberi kemenangan atau aku binasa".*

Sesungguhnya kami yakin kepada janji Allah,

*"Janji Allah, Allah tidak akan mengingkari janjinya. Akan tetapi ramai manusia yang tidak mengetahuinya"* [TMQ ar-Rum (30):6].

*"Allah telah menetapkan, 'Aku dan Rasul-rasulKu pasti menang'. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa"* [TMQ al-Mujadalah (58):21].

Berikut adalah senarai *syabab* Hizbut Tahrir yang sedang dizalimi dalam penjara Tajikistan ketika ini:-

1. Shariiova Nasseibah
2. Rahmanova Dellnarah
3. Colmatova Saadat
4. Ohrarov Shohrat
5. Jamshed Ohrarov
6. Abdakadirov Maqsood
7. Zinedine Abdalohabov
8. Abdalkhalqov Ahmadjan
9. Abdalnerov Mizrab
10. Abdrahimov Ghaffar
11. Abdrahmanov Akmal
12. Abdrahmanov Juma Bai
13. Abdahamidov Saber
14. Aoazov Mansorjan
15. Azimov Murat Devlet
16. Alakbarov Akmal
17. Aliyuv Sharif Allah
18. Alimov Mubeen
19. Ali Sher
20. Onorov Mirzatahir
21. Ohdjan
22. Akhmedov Azam
23. Asrafov Anwar
24. Achoraov Baharuddin
25. Bykov Shams al-Din
26. Berdieov Bakhtiyar
27. Babaiov Islam
28. Babaiov Esmatullah
29. Papakhanov Salam
30. Babajanov Naseem
31. Babaganov Nemat Jan
32. Baitov Shukar Ali
33. Wahabov Azmat
34. Wahidov Mohammed
35. Gafoorov Abdul Malik
36. Ghaziirov Bahram
37. Ghaziirov Ma'roof
38. Davlatov Mohkam
39. Davlatov Hidayat ullah
40. Dadabaiov Naeem Jan
41. Dadabaiov Nouredine
42. Dadabaiov Jamshed
43. Dadabaiov Sheriff Jan
44. Dadakhugyaov Bakhtiyar
45. Zakirov Ghulam Jan
46. Zahidov Ali Jan
47. Zahidov Azeem
48. Ebadllaev Mohiuddin
49. Ibraheem
50. Ikramov Hasan
51. Ismailov Ahad
52. Ishakov Abdul Rahim
53. Iischof Bahadur
54. Kalanov Ibrahim
55. Karimov Kamil
56. Kinjaov Shaker
57. Kamilov Fadel
58. Qayyumov Kamal al-Din
59. Kadirov Mukhtar
60. Kadirov Nasrallah
61. Kadirov Aalam
62. Rustam Kadirov
63. Kadirov Shakir
64. Karamirezaiov Erkin
65. Kasimov Firqat
66. Quwwatov Abdulrazzaq
67. Kurbanov Akbar
68. Kurbanov Amrullah
69. Kurbanov Daulatyaar
70. Qozibaiov Sultan
71. Kurbanov Aalam
72. Kurbanov Shawkat
73. Qohqarov Azam
74. Qouchmradoov Ojghornbek
75. Lateefov Ahraar
76. Lateefov Bahadur
77. Madamrv Nouredine
78. Mamadaliyuv Farhad
79. Mamadaliyuv Khairallah
80. Mamatov met
81. Ismail Mamedov Baig
82. Mamedov locked Baig
83. Mansurov Raoshan
84. Mansoor Jan
85. Mahmudov Kamal al-Din
86. Mahmudov Hashim Jan
87. Mirzabaiov Saber
88. Mirzakhanov Mirzabahram
89. Meer Bashayov Ilham
90. Mirkalov Ilham
91. Meer Jamal
92. Muradov Khalek
93. Muradov Ilham
94. Muradov Irali
95. Mustafayov Mamoor
96. M Rahimov Jamaluddin
97. Mohammediyov Fakhr uddin
98. Mohammed Qolov Obaidullah
99. Mohammed Rasool
100. Muminov Juma Nazar
101. Nazarov Qahraman
102. Nazirov Ahrar
103. Nazir Jan
104. Najeemov Sahab
105. Nikmatov Dalerkhan
106. Nikmatov Abdul Wahid
107. Nasirov Syed Kamal
108. Normatov Farhad
109. Noorav Taalib
110. Noorov Himmat
111. Aqilov Qahraman
112. Articoov Ahmad Jan
113. Ashilov Abdul Lateef
114. Ashilov Abdul Sattar
115. Ashilov Abdul Samad
116. Barbieov Ikram
117. Biermatov Abdullah
118. Balvanov Kamil Jan
119. Razzakov Abdul Mannan
120. Rahimov Khurshid
121. Rahmatov Abdul Ghaffar
122. Rahmatov Hussain Bhai
123. Rahmanov Saleh
124. Rajab Ali
125. Razkov Abdul Rasool
126. Rustamov Murad Jan
127. Syed Ahmedov Zakir Khan
128. Saidbekov Naseem
129. Said Farrukh Akhtarov
130. Saidov Qasim
131. Salamov Dilshad
132. Salah uddinov Kamal Khan
133. Sanjinov Aadil
134. Sattarov Akram
135. Sattarov Anwar
136. Saliyuv Zakir
137. Saliyuv Sahab
138. Soanicolov Tersenmurad
139. Sultanov Faizullah
140. Sohrab
141. Tajibaiov Shaukat
142. Tordieov Murad
143. Oolgyaov Israel
144. Umarov Mamedhah
145. Umarov Shohrat
146. Omorov Mohammadi
147. Amorov age
148. Aoreenbaov Ibrahim
149. Aourafov Majeed
150. Usmanov Rahmat ullah
151. Khalqov Sabit
152. Khalqov Shohrat
153. Khalqov Khair
154. Khalqcolov Sattar
155. Khwajayov Bakhtawar
156. Hajimtov Ismail
157. Hakeemov Meer Said
158. Hakeemov Sultan Bey
159. Hakeem Janov Abdulrazzaq
160. Hafeezov Yusuf Jan
161. Haji Bayov Rustam
162. Jalilov Abdul Rauf
163. Jalilov Daulat
164. Jalilov Daulat
165. Jalilov Majeed
166. Jamaluddinov Abdul Malik
167. Jamshed
168. Sharifov Shohrat
169. Shahi mardanov Ziadullah
170. Ilemradov Hmrah
171. Yunusov Abdul Mannan
172. Yunusov Mansour
173. Sabir Yunusov
174. Yusuf Yunusov
175. Yusufov A Wali
176. Yusufov Jan
177. Yousefjanov Shohrat
178. Yahyaiov Nouredine...Dan lain-lain.

**Hizbut Tahrir Tajikistan**

21 Sya'ban 1431H

2 Ogos 2010M